



IBU PEJABAT,  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT,  
MALAYSIA,  
LEBUH WAWASAN, PRECINCT 7,  
62250 PUTRAJAYA.

Telefon : 603-88880036  
Faks : 603-88880962  
Laman Web : [www.bomba.gov.my](http://www.bomba.gov.my)  
E-mail : [korporat@bomba.gov.my](mailto:korporat@bomba.gov.my)

**‘CEPAT DAN MESRA’**

Ruj. Kami: JBPM:PAW/013/20/2 (55 )


Tarikh: 16 Mei 2011

## KENYATAAN MEDIA

### **PERSEDIAAN MENGHADAPI MUSIM KEMARAU DI SELURUH NEGARA**

PUTRAJAYA 16 Mei 2011 – Semua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri telah diarahkan untuk membuat persediaan awal bagi menghadapi fenomena Ribut Tropika Monsun Barat Daya berdasarkan daripada satelit MACRES yang mendapati sebahagian besar dari Asia Tenggara akan dilanda musim kemarau. Berdasarkan maklumat yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia, keadaan ini akan bermula dari pertengahan bulan Mei sehingga September 2011.

Oleh itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia telah membuat perancangan dan persiapan bagi menghadapi musim kemarau yang kebiasaannya akan menyebabkan berlakunya kebakaran hutan, belukar serta kebakaran di tanah gambut dan boleh menyebabkan pencemaran alam sekitar serta bencana jerebu yang serius.



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008  
CERT. NO : AR 5037

Antara perancangan dan persiapan adalah seperti berikut:

- a. Semakan Pelan Operasi Strategik
- b. Perancangan keperluan tenaga manusia;
- c. Latihan dan kesiapsiagaan anggota; persiapan daripada aspek peralatan bagi operasi pemadaman api hutan;
- d. Penyediaan kenderaan utiliti dan operasi pemadaman;
- e. Keperluan kebajikan anggota;
- f. Menubuhkan pasukan peronda secara bermotosikal (RIM) dan kenderaan (pajero) bagi mengenalpasti adanya pembakaran terbuka di kawasan negeri masing-masing dan melaporkan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta Ibu pejabat di Putrajaya dengan serta merta;
- g. Membuka bilik gerakan negeri bagi tujuan memantau kes pembakaran terbuka sekiranya di negeri berkenaan mengalami keadaan keadaan jerebu yang amat teruk;
- h. Mengambil langkah berjaga-jaga dengan menubuhkan pasukan bertindak terutamanya pasukan bermotosikal, HAZMAT dan pasukan penyelamat yang lain bagi memastikan tindakan segera dapat dibuat jika sekiranya terdapat apa-apa bencana semasa jerebu; dan
- i. Memahami Perintah Tetap Operasi-Pengendalian Bencana Kebakaran Hutan/ Kebakaran Terbuka dan Jerebu yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

\*\*\*\*\*

Dikeluarkan Oleh :

Sobberi b. Basiran  
Penolong Ketua Pengarah  
Bahagian Pengurusan Korporat  
Ibu pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia  
[sobberi\\_64@bomba.gov.my](mailto:sobberi_64@bomba.gov.my);